



**TEKS UCAPAN
YBhg. DATO' SRI ALI BIN HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENGIKTIRAFAN
PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CeIO)
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**

**11 JANUARI 2013 (JUMAAT)
9.30 PAGI
(Putrajaya International Convention Centre)**

Bismillaahirrahmaanirahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

- i. YBhg. Dato' Sri Abu Kassim Bin Mohamed
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**
- ii. Ahli-Ahli Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah**
- iii. YBhg. Dato' Haji Zakaria Bin Hj. Jaffar
Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM (Pengurusan &
Profesionalisme)**
- iv. Yang Bhg. Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Bin Mohd Zin,
Panglima Angkatan Tentera**
- v. Yang Bhg. Tan Sri Ibrahim Lembut, Ketua Hakim Syarie,**
- vi. Yang Dihormati Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-
Ketua Jabatan Dan Agensi Kerajaan**
- vii. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri**
- viii. Yang Dihormati Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Besar Badan
Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs)**
- ix. Yang Berusaha Abdul Wahab bin Abdul Aziz, Pengarah
Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia**
- x. Pegawai-Pegawai Integriti Bertauliah**

- xi. **Pegawai-Pegawai dan kakitangan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Jabatan/Agensi Kerajaan Serta Agensi Swasta/GLCs.**

YBhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato' Sri-Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin serta Saudara-saudari para hadirin yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat bertemu pada hari ini sempena **Majlis Penyampaian Sijil Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah atau Certified Integrity Officer (CeIO).**

2. Syabas dan tahniah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia khususnya Pusat Pembangunan Integriti Korporat, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, selaku penganjur majlis pagi ini dan berjaya melaksanakan Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO). Semoga usaha murni ini dapat membantu memantapkan usaha-usaha peningkatan Integriti di negara ini khususnya dan perkhidmatan awam Malaysia amnya.

Saudara-saudari para hadirin yang saya hormati sekalian.

3. Perkhidmatan Awam sentiasa berdepan dengan realiti semasa di mana teras perkhidmatan awam adalah untuk menyampaikan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah (*value add*) kepada rakyat. Pihak kerajaan kini gigih membentuk perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi dan berinovasi kerana rakyat Malaysia semakin peka,

berpendidikan tinggi dan mempunyai espektasi yang kian meningkat terhadap sistem perkhidmatan awam.

4. Kini perkhidmatan awam sedang melalui proses transformasi yang bersepadu dan komprehensif bagi memastikan ia kekal relevan sepanjang masa. Kejayaan agenda transformasi ini sudah pasti menuntut perkhidmatan awam beralih dari paradigma lama dan meminggirkan budaya-budaya lapuk dalam sistem pengurusan semasa dengan menukarkan kepada pemikiran produktif. Pemikiran produktif akan menghasilkan idea-idea yang baru yang lebih inovatif berbanding dengan hanya memberi fokus kepada penambahbaikan ke atas idea-idea sedia ada. Sebuah perkhidmatan awam yang dinamik menuntut penambahbaikan secara berterusan demi mencapai ekspektasi rakyat. Bagaimanakah kita dapat membentuk sebuah perkhidmatan awam yang dinamik?

CTI DAN PCI

5. YAB Perdana Menteri Malaysia dalam ucapannya sempena Program Ke Arah Perkhidmatan Cemerlang Dan Cintailah Negara Kita pada 2 Julai 2012 yang lalu, telah menekankan bahawa para penjawat awam perlulah sentiasa berusaha dengan gigih dan bersungguh-sungguh serta melakukan tugas secara terancang untuk mencapai peningkatan dari segi prestasi supaya rakyat dapat merasakan sebuah perkhidmatan yang lebih baik dalam sebuah kerajaan. Bagi mencapai hasrat tersebut YAB Perdana Menteri telah menggariskan **6 prinsip sebagai nilai tambah**, yang disimpulkan dalam 2 akronim **CTI dan PCI** sebagai metod pelaksanaan yang lebih berkesan.

6. **CTI** bermaksud **Cepat, Tepat dan berIntegriti**. Ini perlu disokong dengan satu lagi akronim yang boleh jadi tumpuan kita yakni **PCI** yang bermaksud **Produktiviti, Kreativiti dan Inovasi**. Saya fikir kalau kita ingat kepada dua akronim CTI dan PCI ia akan mencerminkan proses pembaharuan yang perlu kita lakukan setiap masa. Sebagai contoh, proses inovatif, bagi seorang penjawat awam, sudah tentu kita inginkan sebuah perkhidmatan kerajaan yang sentiasa memerlukan idea-idea baru yang lebih bernas, kadang-kadang tidak begitu konvensional tetapi yang pentingnya yang boleh menghasilkan bukan sahaja *output* tetapi *outcome* yakni keberhasilan.

7. Begitu juga dengan tahap kemajuan sesebuah negara ianya bukan sahaja dinilai daripada aspek kekukuhan ekonomi tetapi merangkumi aspek ketelusan dan **INTEGRITI** yang dimiliki institusi-institusi negara tersebut termasuklah institusi sektor awam. Mengungkap kata-kata Warren Buffet, tokoh pelaburan tersohor dunia, "*in looking for people to hire, you look for three qualities: integrity, intelligence and energy. And if they don't have the first, the other two will kill you*".

Saudara-saudari para hadirin yang saya hormati sekalian.

INTEGRITI

8. Integriti perlu dilihat dan dihayati dalam konteks yang lebih luas. Integriti bukan sahaja bermakna kita perlu menjauhkan diri dari amalan-amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Konsep integriti membawa maksud kepada nilai-nilai amanah, boleh dipercayai, jujur, taat dan mempunyai sifat-sifat keperibadian yang teguh. Integriti juga bererti sentiasa menghargai serta memelihara kepentingan organisasi dan hak orang awam. Malahan, kepentingan organisasi, perkhidmatan serta negara hendaklah mengatasi kepentingan diri sendiri.

9. Anggota Perkhidmatan Awam yang berintegriti sentiasa berpegang kepada konsep kejujuran. Ini bermakna kita perlu sentiasa jujur dalam mentadbir dasar-dasar, program-program serta projek-projek Kerajaan, sentiasa ikhlas dalam memberikan nasihat dan pendapat, tidak menyembunyikan sebarang maklumat penting dan mustahak yang boleh menjejaskan prestasi Jabatan/Agensi masing-masing.

10. Dalam hubungan ini, penjawat awam hendaklah sentiasa berwaspada dan cermat dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab serta sentiasa sedar akan akibat buruk yang menimpa sekiranya kita cuai dalam menjalankan tugas masing-masing. Segala tugas dan tanggungjawab hendaklah dilaksanakan berdasarkan undang-undang negara dan lunas-lunas perundangan yang termaktub.

Saudara-saudari para hadirin yang saya hormati sekalian.

11. Dalam menilai samada seseorang boleh menjadi penjawat awam, aspek integriti perlu dititikberatkan bagi mengelakkan sektor awam dicemari dengan insiden-insiden penjawat awam yang terlibat dengan amalan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya. Malah integriti bukan sahaja terhad kepada rasuah dan sebagainya, ia juga termasuk menjalankan tugas dalam tempoh yang diberikan. Kelewatan bekerja yang disengajakan juga merupakan suatu perkara yang tidak berintegriti.

12. Transformasi ke arah menjadi masyarakat maju bukan sahaja diasaskan kepada kemajuan ekonomi dan teknologi, tetapi juga kemajuan dalam pembangunan rohani, sosial, budaya dan intelek. Fokus paling utama bagi pembangunan sedemikian ialah peningkatan dan pemantapan etika dan integriti yang perlu menjadi budaya masyarakat. Sesungguhnya penjawat awam adalah pemikul amanah yang memelihara kepentingan

negara dan rakyat. Tanpa integriti, semua yang kita lakukan tidak lagi bermakna dan akan dipandang negatif oleh rakyat amnya.

Saudara-saudari para hadirin yang saya hormati sekalian.

PROGRAM CeIO

13. Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) merupakan program yang bertujuan untuk memberi latihan kepada pegawai sesebuah organisasi awam atau swasta. Program ini akan melahirkan Pegawai Integriti Bertauliah yang pakar dalam bidang pencegahan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa. Selain itu, Pegawai Integriti Bertauliah juga akan bertanggungjawab dalam pembangunan integriti organisasinya di samping bertindak sebagai pemangkin kepada pewujudan budaya kerja berintegriti.

14. Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) adalah selari dengan aspirasi dalam cabaran keempat Pelan Integriti Nasional (PIN) iaitu, 'membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur'. Selain itu, Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) ini juga selaras dengan strategi untuk meningkatkan integriti dalam institusi ekonomi melalui pewujudan Pegawai Etika atau Pegawai Integriti dalam sektor korporat dan swasta.

15. Dalam masa yang sama, Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) ini dapat membantu Kerajaan untuk memantapkan jentera pentadbirannya di semua peringkat. Aspirasi Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) juga bertepatan dengan **Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2009** mengenai Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia iaitu, Penubuhan

Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Tadbir Urus [JKTU] peringkat Persekutuan Negeri dan Daerah. **Sukacita saya ingin menegaskan disini bahawa Pegawai Integriti Bertauliah mempunyai peranan yang penting dalam organisasi dan tidak wajar dipandang remeh kehadiran mereka. Ketua Jabatan wajar mengambil maklum mengenai kewujudan Pegawai Integriti Bertauliah dalam organisasi mereka dan memanfaatkan sepenuhnya demi kepentingan organisasi, masyarakat dan Negara.**

16. Isu kemerosotan integriti individu dan integriti organisasi menjadi keperluan yang wajar diurus dengan teratur. Justeru, Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) merupakan jawapan sesuai bagi mencapai aspirasi untuk meningkatkan integriti individu dan integriti organisasi.

Saudara-saudari para hadirin yang saya hormati sekalian.

17. Bagi mengakhiri ucapan aluan saya ini, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi syabas dan tahniah kepada semua Pegawai Integriti Bertauliah yang telah berjaya mengikuti program yang telah dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Integriti Korporat, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia.

18. Adalah menjadi harapan saya dan kerajaan agar tuan dan puan akan menjadi pemangkin kepada pembangunan dan pemantapan integriti dalam negara kita ini. Insyaallah. Begitu juga kepada jabatan dan agensi yang masih belum lagi mempunyai Pegawai Integriti Bertauliah atau mewujudkan Unit Integriti di organisasi masing-masing agar segera melaksanakan arahan YAB Perdana Menteri seperti yang terkandung dalam Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2009 Siri 1 No. 1 Tahun 2011.

19. Bagi Jabatan/Agensi dan Syarikat GLCs yang telah mempunyai Pegawai Integriti Bertauliah pergunakanlah ilmu pengetahuan dan kepakaran yang telah dimiliki oleh pegawai berkenaan untuk merangka, merancang dan melaksanakan seterusnya memantau program-program pemantapan integriti di organisasi masing-masing. Dengan wujudnya tahap integriti individu dan organisasi yang tinggi ianya akan berupaya menghapuskan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa seterusnya meningkatkan produktiviti organisasi.

20. Bagi pihak Kerajaan, sukacita saya menegaskan bahawa semua jabatan dan agensi kerajaan termasuk swasta perlu memandang serius peranan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO). Bagi memastikan keberkesanan peranan dan tanggungjawab CeIO, mereka perlu ditempatkan dalam struktur organisasi yang jelas. Peranan CeIO yang menyelaras usaha peningkatan integriti merangkumi semua aspek termasuk pematuhan, audit, kawalan dalaman, tatatertib dan sebagainya. Peranan CeIO jelas melangkaui peranan unit atau bahagian yang menjalankan sesuatu fungsi seperti pematuhan, audit mahupun tatatertib. Tanggungjawab CeIO lebih besar dan menyeluruh. Bagi memastikan keberkesanan tugas CeIO, mereka hendaklah ditempatkan mengikut kesesuaian dalam sebuah struktur organisasi yang jelas, sebaik-baiknya dibawah pemerhatian Ketua Jabatan secara terus dan bukannya diletakkan sebagai sebahagian dari Unit Sumber Manusia, Audit Dalam, Pematuhan atau Tatatertib.

21. Ucapan syabas dan tahniah juga harus diberikan kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memerangi jenayah rasuah sehingga berjaya

meningkatkan skor Indeks Persepsi Rasuah kepada tahap yang lebih baik bagi tahun 2012. Khususnya juga kepada Ketua Persuruhjaya SPRM Yang Berbahagia Dato' Sri Abu Kassim Bin Mohamed yang baru-baru ini telah mendapat pengiktirafan dari pihak antarabangsa dan dilantik sebagai Naib Pengerusi *Board of Governors, International Anti-Corruption Academy*.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalaamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh*.